



Sultan Nazrin (tengah) berkenan bergambar di hadapan bangunan induk Madrasah Idrisiah pada Sambutan 100 Tahun Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar hari ini. - FOTO/ ZULFACHRI ZULKIFLI

Madrasah Idrisiah absahkan peranan raja Melayu lindungi, kembangkan Islam

- Oleh ASLIZA MUSA
- 15 Oktober 2022, 2:31 pm

KUALA KANGSAR – Penubuhan Madrasah Idrisiah di Bukit Chandan yang kini berusia 100 tahun mengabsahkan peranan raja Melayu melindungi, memelihara, membangunkan dan mengembangkan agama Islam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, sebagai sebuah institusi agama tertua di negeri ini, Madrasah Idrisiah merupakan khazanah ummah yang berperanan sebagai tapak semaihan pembangunan minda hingga berjaya melahirkan ribuan ulama dan umara.

“Madrasah Idrisiah mencipta kejayaan kerana adanya sokongan dan keyakinan. Institusi agama itu menunjukkan bahawa impian dan wawasan boleh direalisasikan jika ada kesungguhan, komitmen, pengorbanan dan semangat dermawan.

“Ia juga melambangkan pentingnya rangkaian ilmu dan ibadah, pentingnya rumah ibadah tidak hanya tegak sebagai bangunan ikonik yang sepi dalam isolasi sebaliknya hendaklah dilengkapi dengan institusi keilmuan yang membangunkan modal insan, modal intelek dan modal budaya,” titah baginda pada Sambutan 100 Tahun Madrasah Idrisiah di Bukit Chandan dekat sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Sultan Nazrin turut berkenan mengumumkan kurniaan RM500,000 sumbangan Yayasan Sultan Azlan Shah kepada Madrasah Idrisiah.